

RAMAI yang masih tertanya-tanya mengapa Datuk Seri Dr Ling Liong Sik meletakkan jawatan secara mengejut. Keengganan Presiden MCA itu menjelaskan sebab sebenar, menimbulkan pelbagai cerita dan spekulasi yang tidak menentu. Yang pasti, tentu ada banyak sebab di sebalik peletakan jawatan Kabinet itu - lebih daripada apa yang diketahui. Dr Ling hanya menjelaskan kini sudah tiba masanya untuk beliau membuat keputusan berundur selepas 14 tahun menabur bakti menjadi menteri Kabinet. Pada sidang akhbar semalam, Dr Ling masih bertegas bahawa beliau tidak akan berganjak dengan keputusan itu demi memberi laluan kepada pemimpin yang lebih muda.

Bagaimanapun, bukan sesuatu yang dapat disorokkan lagi bahawa MCA mempunyai masalah dalaman yang mana jika dibiarkan berterusan, mungkin membawa parah. Ramai tahu hubungan Dr Ling dengan Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek semakin hambar sejak pilihan raya lalu. Tidak kurang juga khabar angin mengatakan kepemimpinan Dr Ling sejak akhir-akhir ini sering dipersoal oleh kalangan pemimpin lain dalam parti itu yang tidak puas hati. Kononnya, Dr Ling tidak berusaha bersungguh-sungguh mendapatkan tambahan jawatan Kabinet walaupun parti itu berjaya mendapatkan sokongan besar pe-

ngundi Cina pada pilihan raya umum tahun lalu. Malah menurut mereka, Gerakan, sebuah parti yang kurang berpengaruh berbanding MCA masih mampu mendapat banyak jawatan dalam kerajaan sama ada pada peringkat negeri mahu pun Pusat.

Namun, sukar untuk kita pastikan sejauh mana 'dalamnya' luka dan krisis yang menghantui MCA seperti yang didakwa itu. Memang tidak mustahil tekanan dalam parti menjadi salah satu punca Dr Ling terpaksa melepaskan jawatan itu. Bagaimanapun sehingga ini, Dr Ling tidak langsung membayangkan masalah dan kemelut dalaman menjadi punca kepada semua itu. Apa yang jelas, sebagai seorang pemimpin politik yang berpengalaman, Dr Ling tidak mahu soal rumah tangga menjadi riuh. Beliau lebih rela menelan daripada meluahkan rasa hatinya secara terperinci. Cuma beliau yakin bahawa keputusannya untuk meletak jawatan akan dapat menyelesaikan segala masalah dalaman parti itu secepat mungkin.

Apapun, masalah dalaman dalam sesebuah parti politik bukan sesuatu yang asing. Ia juga pernah terjadi kepada Umno, MIC malah beberapa parti lain dalam komponen Barisan Nasional (BN). Setiap kepemimpinan sesuatu parti politik juga mudah terdedah kepada kritikan. Terpulang sejauh mana kebijaksanaan pe-

harus hormati keputusan

mimpin dan ahii yang dipimpinya menangani masalah dalaman itu.

Hakikatnya, Dr Ling sudah membuat keputusan muktamad dan tidak akan berganjak. Beliau sudah berpatah arang dan berkerat rotan untuk mengundur diri secara terhormat. Apa yang lebih penting ialah semua pihak perlu tenang dan akur dengan keputusan yang beliau ambil. Sebagai seorang pemimpin veteran yang bertanggungjawab, Dr Ling lebih rela melakukan semua itu walaupun terpaksa hilang jawatan dan pangkat demi kebaikan parti serta masyarakat Cina. Cuma harapan rakyat khususnya masyarakat Cina, peletakan jawatan ini tidak menjadi isu besar sehingga boleh menyebabkan pemimpin MCA berpuak dan berpecah manakala perpaduan masyarakat Cina terjejas.

Tidak dapat dinafikan sumbangan individu dalam sesebuah parti politik amat penting. Bagaimanapun seperti yang selalu ditegaskan oleh pucuk pimpinan Malaysia, kepentingan parti dan perpaduan rakyat mengatasi segala-galanya.

Justeru, rakyat dan ahli parti perlu akur bahawa betapa sayang pun kita kepada seseorang pemimpin, mengikut hukum alam mereka datang dan pergi. Cuma masa saja menentukan bila. Yang patah akan tumbuh

dan hilang pula berganti.

Kepada pemimpin, ahli dan penyokong MCA pada semua peringkat, walaupun keputusan itu mengejutkan dan pahit untuk ditelan, hadapi ia dengan dada yang terbuka. Rakyat sendiri dapat mengesahkan rekod kerja baik dan sumbangan besar selama ini oleh Dr Ling. Beliau adalah seorang menteri yang berdisiplin dan mempunyai wawasan. Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri tidak gembira menerima keputusan Dr Ling itu tetapi tidak mampu menghalangnya.

Walaupun tanpa jawatan dalam Kabinet. Dr Ling yang menyertai parti itu pada 1968 masih tetap Presiden MCA, yang dipilih dan tetap memberi sumbangan besar kepada parti dan rakyat. Seperti yang dijanjikannya, Dr Ling akan memberi tumpuan sepenuh kepada kerja-kerja parti. Beliau mempunyai banyak masa untuk berjumpa dengan mereka pada peringkat akar umbi agar terus memberi sokongan tidak berbelah-bagi kepada parti. Dr Ling juga masih Ahli Parlimen yang akan terus berkhidmat keada pengundi di Labis. Di sebalik segala pujuk rayu agar beliau menarik balik tindakannya itu, semua pihak perlu menghormati hak dan kebebasannya untuk membuat keputusan.